

**Muhyiddin Rai Warga Media Di Majlis Berbuka Puasa
Bernama
25 July, 2013**

PUTRAJAYA, 25 Julai (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin Khamis meraikan lebih 500 pengamal media warga media cetak dan eletronik serta blogger dalam satu majlis berbuka puasa di perkarangan kediaman rasminya Sri Satria di Putrajaya.

Sejurus tiba di kawasan khemah tetamu kira-kira pukul 6.30 petang, Timbalan Perdana Menteri terus berbual mesra dengan beberapa tokoh media.

Antara yang kelihatan ialah Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaafar, Pengurus Besar BERNAMA, Datuk Yong Soo Heong, Ketua Pengarang BERNAMA, Datuk Zulkifli Salleh, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, Pengarang Kumpulan Harian Metro, Datuk Mustapa Omar, Pengarah Eksekutif Operasi Berita dan Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A. Talib, Pengerusi NSTP, Tan Sri Mohammad Jawhar Hassan dan Pengarang Urusan Kumpulan NSTP, Datuk Abdul Jalil Hamid.

Turut menjadi tetamu dan diraikan di majlis itu ialah beberapa pelajar dari Sekolah Seri Puteri Cyberjaya, yang berjaya mengharumkan nama negara selepas memenangi anugerah emas di Australia International music Festival (AIMF) yang berlangsung di Sydney dari 7 hingga 14 Julai lepas.

Muhyiddin kemudian menyampaikan sumbangan bantuan raya kepada kira-kira 80 orang anak yatim dan golongan asnaf dari Lembah Subang.

Majlis bersurai selepas Muhyiddin dan tetamu menunaikan solat Tarawih.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966188>